

Headline	RUMAH BARU UNTUK FIRDAUS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	1,14	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Helmi	AdValue	RM 13,572
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,717



**SUSULAN REMAJA OKU DIKURUNG SAMPAI KERING**

Headline	RUMAH BARU UNTUK FIRDAUS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	1,14	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Helmi	AdValue	RM 13,572
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,717

# Dua beradik tidak terpisah

■ Remaja OKU, adik bakal dihantar ke rumah kebajikan

Oleh Mohd Helmi Irwadi  
Mohd Nor  
mohdhelmi@hmetro.com.my

Seremban

Remaja orang kelainan upaya (OKU), Muhammad Firdaus Dullah, 15, yang dirawat di Hospital Tuanku Jaafar (HTJ) sejak 21 Jun lalu akan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk ditempatkan di Rumah Sinar Harapan Tuanku Ampuan Najihah, di sini, selepas-lewatnya Isnin depan.

Yang Dipertua Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) Datin Seri Rosmah Mansor berkata, ia berikutan remaja itu beransur sihat dan mengalami peningkatan berat badan kepada 17.3 kilogram berbanding 15 kilog-

ram ketika dimasukkan ke HTJ.

"Selama 10 hari dirawat, HTJ memberikan disiplin perubatan kepada Muhammad Firdaus iaitu pemeriksaan mata, telinga dan kulit selain makanan berprotein tinggi, karbohidrat dan kalسيوم untuk kesihatannya," katanya selepas melawat remaja terbabit di HTJ, di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan timbalannya Datin Paduka Chew Mei Fun serta Pengarah Imigresen Negeri Sembilan Faizal Fazri Othman. Sempena Ramadan ini,

beliau menyampaikan sepasang baju Melayu berwarna biru dan songkok kepada

Muhammad Firdaus dan RM2,000 termasuk RM1,000 sumbangan peribadi suaminya, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Menerusi Tabung Muhammad Firdaus yang ditubuhkan, jumlah terkumpul mencecah RM23,348.70. Difahamkan, ada lagi sumbangan RM4,000 akan diterima yang menjadikan jumlah RM27,348.70," katanya.

Menurutnya, orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh berbuat demikian menerusi akaun Ta-

bung Haji milik Muhammad Firdaus bernombor 010602000453616.

Sementara itu, Pengarah JKM negeri Abdullah Hanapi berkata, Muhammad Firdaus akan ditempatkan di Rumah Sinar Harapan Tuanku Ampuan Najihah bersama adiknya, Muhammad Haziq Abdullah, 7.

Beliau berkata, Muhammad Haziq sudah ditempatkan di rumah perlindungan itu dan pihaknya menunggu kebenaran HTJ untuk membawa Muhammad Firdaus ke sana.

Headline	RUMAH BARU UNTUK FIRDAUS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	1,14	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Helmi	AdValue	RM 13,572
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,717



**FAKTA**  
Tabung  
Muhammad  
Firdaus kini  
RM27,348.70

*ROSMAH menyerahkan sumbangan kepada Muhammad Firdaus di HTJ.*